

Kumpul usahawan UTHM

Alumni kongsi pandangan, rapat jaringan perniagaan dalam 'Luncheon Talk'

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, menganjurkan 'Luncheon Talk' sebagai inisiatif meraikan dan mengeratkan hubungan antara pengurus universiti bersama alumni, baru-baru ini.

Program yang berlangsung di The Summit Hotel, Subang USJ, Petaling Jaya, Selangor, itu mendapat kerjasama Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (Care) UTHM.

Penolong Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Profesor Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim berkata, majlis yang berkonsepkan makan tengahari itu berjaya mengumpulkan 25 usahawan terdiri daripada alumni UTHM.

Menurutnya, kumpulan berkenaan hadir dari empat generasi iaitu graduan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO),



Amir Hashim (duduk, tengah) bersama alumni UTHM yang hadir pada majlis berkenaan.

Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan UTHM.

"Kemuncak majlis berkenaan ialah sesi 'Business Sharing' dan perkongsian pengalaman yang berlangsung kira-kira tiga jam dan telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh peserta.

"Dalam sesi berkenaan, pelbagai idea dan juga buah fikiran telah dicurahkan serta dibincangkan bagi merapatkan lagi jaringan rangkaian perniagaan antara satu sama lain.

"Majlis 'Luncheon Talk' ini juga turut mengumpulkan para pelajar yang berminat dengan bidang ke-

usahawanan dan turut bercita-cita menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pilihan mereka setelah tamat belajar nanti," katanya kepada Sinar Harian, di sini, semalam.

Amir Hashim berkata, perkongsian ilmu bersama alumni yang bergelar usahawan dapat membantu peng-

urusan UTHM mendalami bidang berkenaan seterusnya menarik minat untuk mencuba.

Salah seorang usahawan yang hadir, Anuar A Rahman berkata, kejayaan yang berjaya diraihinya pada hari ini adalah bermula daripada didikan yang diperoleh dari kampus UTHM.

Beliau Ketua Pegawai Eksekutif, Gold Silver Resources Sdn Bhd (GSR) berkata, dia berasa cukup bertuah kerana UTHM mengadakan majlis seumpama itu yang membolehkan dirinya bertemu kembali pensyarah dan rakan yang banyak membantu.

"Saya bersedia memenuhi jemputan UTHM untuk berkongsi ilmu secara percuma khususnya berkaitan teknik pemasaran dan peluang perniagaan emas dan perak," katanya.

Berdasarkan rekod UTHM, statistik sebelum ini menunjukkan hampir 20 peratus graduan UTHM mencuburi bidang keusahawanan.